

SUMBER DAN PENERAPAN NILAI

SHAMSUDIN BIN HUSSIEN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

13 MEI 2005

.....
SHAMSUDIN B. HUSSIEN
M20021000771

PENGHARGAAN



Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. dengan izin dan limpah-Nya dapat menyiapkan disertasi ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Disertasi ini telah memberi peluang untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pembacaan, penelitian dan perbincangan. Secara tidak langsung telah menguji kesabaran dan ketekunan dalam menghadapi pelbagai cabaran. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia Prof. Abdullah Hassan dan En. Idris Mohd. Radhi yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan pandangan yang membina semasa proses menyiapkan disertasi ini. Segala-galanya hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya. Sesungguhnya saya mengabadikan sumbangan itu dalam ingatan hingga akhir hayat.

Penghargaan ini turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, khususnya Pn. Rohani bt. Mohd. Tahir yang banyak memberi pandangan dan sokongan moral sehingga disertasi ini dapat disempurnakan. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya. Ketabahan dan kesabaran anda menginsafkan saya tentang pentingnya nilai manusia dan kemanusiaan.

Tidak ketinggalan insan-insan yang teristimewa dalam hidup ini, iaitu Mama kepada Kak Long dan Syafiq yang banyak memberi galakan dan perangsang. Pengorbanan dan kesabaran Mama sangat menginsafkan tentang perlunya kehidupan yang berpegang pada nilai dan mengamalkannya. Tidak dilupai kepada penyambung waris yang tersayang, anakanda Nur Fikratul Aaliya dan anakanda Muhammad Syafiq yang sama-sama memahami dan turut membantu. Tiada ungkapan indah yang mampu diluahkan sebagai tanda terima kasih atas segala-galanya. Semua ini berkekalan dalam ingatan sehingga akhir hayat. Semoga Allah s.w.t. menganugerahkan taufik dan hidayah serta kebahagiaan kepada kalian di dunia dan di akhirat.

Akhir kata, saya mengharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada para pelajar, ibu bapa dan para pengkaji lain yang berminat mengkaji nilai untuk membentuk keperibadian diri ke arah yang diredhai Allah s.w.t.

Sekian, salam hormat

Shamsudin Hussien
Fakulti Bahasa
Program Sarjana Pendidikan
UPSI 2003 / 2005

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimanakah nilai terbit daripada sumber agama Islam, persekitaran dan isi kandungan silabus KBSM. Sumber nilai daripada agama Islam ialah al-Quran dan hadis. Sumber persekitaran ialah peribahasa, adat istiadat dan budaya Melayu. Manakala sumber nilai-nilai murni silabus KBSM adalah daripada persetujuan bersama Jawatankuasa Khas Pendidikan Akhlak yang ditubuhkan pada tahun 1976. Kajian ini turut mengkaji bagaimanakah nilai diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Maklumat-maklumat yang diperoleh telah dianalisis dan diuraikan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah disediakan. Hasilnya, dapatan menunjukkan nilai-nilai yang terbit daripada sumber agama Islam dan persekitaran sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bagaimanapun, hanya tujuh belas (17) nilai sahaja disenaraikan dalam senarai nilai-nilai murni silabus KBSM. Sehubungan itu, pengkaji membuat pengkategorian semula struktur nilai-nilai murni untuk silabus KBSM yang membawa hasil daripada teori-teori yang dibincangkan. Pada akhir kajian ini, pengkaji mengemukakan cadangan teknik pengajaran dan penerapan nilai serta modul persediaan mengajar yang mengandungi nilai-nilai murni pengkategorian semula untuk silabus KBSM sebagai panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini berjaya meninggalkan kesan positif kepada para pelajar, guru, ibu bapa dan individu yang berhasrat untuk meningkatkan roh kemanusiaan ke dalam diri sendiri terutamanya ke arah pembentukan akhlak mulia. Sesungguhnya, nilai perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menuju ke arah kebaikan dalam rangka ibadah kepada Allah s.w.t.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimanakah nilai terbit daripada sumber agama Islam, persekitaran dan isi kandungan silabus KBSM. Sumber nilai daripada agama Islam ialah al-Quran dan hadis. Sumber persekitaran ialah peribahasa, adat istiadat dan budaya Melayu. Manakala sumber nilai-nilai murni silabus KBSM adalah daripada persetujuan bersama Jawatankuasa Khas Pendidikan Akhlak yang ditubuhkan pada tahun 1976. Kajian ini turut mengkaji bagaimanakah nilai diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Maklumat-maklumat yang diperoleh telah dianalisis dan diuraikan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah disediakan. Hasilnya, dapatan menunjukkan nilai-nilai yang terbit daripada sumber agama Islam dan persekitaran sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bagaimanapun, hanya tujuh belas (17) nilai sahaja disenaraikan dalam senarai nilai-nilai murni silabus KBSM. Sehubungan itu, pengkaji membuat pengkategorian semula struktur nilai-nilai murni untuk silabus KBSM yang membawa hasil daripada teori-teori yang dibincangkan. Pada akhir kajian ini, pengkaji mengemukakan cadangan teknik pengajaran dan penerapan nilai serta modul persediaan mengajar yang mengandungi nilai-nilai murni pengkategorian semula untuk silabus KBSM sebagai panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini berjaya meninggalkan kesan positif kepada para pelajar, guru, ibu bapa dan individu yang berhasrat untuk meningkatkan roh kemanusiaan ke dalam diri sendiri terutamanya ke arah pembentukan akhlak mulia. Sesungguhnya, nilai perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menuju ke arah kebaikan dalam rangka ibadah kepada Allah s.w.t.

SENARAI JADUAL

Jadual

- 2.1 Pemeringkatan prosedur pengumpulan data
- 3.1 Penerbitan nilai berdasarkan sumber
- 3.2 Pertindihan tiga nilai serentak
- 3.3 Pertindihan dua nilai serentak
- 3.4 Serapan masuk NSK silabus KBSM
- 4.1 Fasa pengajaran dan penerapan nilai Model Inkuiri Banks

SENARAI SINGKATAN

NKU

Nilai Kategori Utama

NSK

Nilai Sub Kategori

SAI

Sumber Agama Islam

SP

Sumber Persekitaran

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Falsafah nilai dalam pendidikan mencorakkan idealisme dan kualiti pendidikan yang disampaikan dan dipelajari sesuatu masyarakat. Pancaran falsafah ini memberi kesan yang mendalam terhadap penggubalan kurikulum, pembentukan pengetahuan dan disiplin keilmuan yang berguna kepada anggota masyarakat. Memupuk nilai-nilai murni dalam pendidikan menjadikan pelajar insan yang berguna, penting dan relevan dalam mencorakkan wawasan sesuatu masyarakat (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2001).

Falsafah Pendidikan Barat mengutamakan pendidikan nilai dalam kurikulum yang dilakukan melalui proses integrasi, iaitu gabungan antara komponen kognitif, afektif dan psikomotor seperti yang dinyatakan dalam Taksonomi Bloom (1956). Nilai ialah kognisi atau pemahaman sesuatu perkara (Rokeach, 1973). Proses kognitif ialah proses mental yang menekankan strategi dan aktiviti belajar dan berfikir secara kritis, rasional, logik, kreatif, analitikal, membuat pertimbangan dan membuat keputusan. Selain menguasai pengetahuan, aspek pengajaran dan pembelajaran nilai

perlu menggalakkan pelajar berfikir. Perkembangan meta kognitif melibatkan proses pemikiran yang lebih tersusun, sistematik, logik dan strategik. Perbincangan tentang nilai dapat menggalakkan pelajar mengembangkan minda proses kognitif supaya perkembangan minda dapat dipertingkatkan. Kebolehan intelektual boleh dibangunkan sekiranya proses kognitif diberi penekanan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Proses pembelajaran yang membangunkan domain kognitif dapat mencorakkan perubahan dan perkembangan potensi manusia. Komponen kognitif biasanya mempunyai nilai-nilai intrinsik, iaitu pengetahuan yang berharga dan mampu memberikan kesedaran serta penghayatan terhadap perkara-perkara yang dipelajari (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2001).

Nilai juga bersifat afektif kerana berhubung kait dengan perasaan sama ada positif atau negatif (Rokeach, 1973). Pengajaran dan pembelajaran nilai merupakan komponen afektif dalam Taksonomi Bloom (1956). Sebahagian besar pembelajaran yang berlaku melibatkan proses afektif, iaitu usaha untuk mengembangkan pelbagai potensi individu, seperti unsur-unsur kesedaran, pengaliran perasaan, sensitiviti, sikap, pemerhatian, pendapat, pertimbangan, emosi, pendirian, nilai, minat, dorongan dan daya imaginasi. Manusia mempunyai kebolehan, kecerdasan, bakat dan potensi yang tidak terbatas. Pembelajaran nilai perlu untuk menguatkan aspek-aspek afektif pelajar. Proses afektif dalam pembelajaran nilai melibatkan pelbagai proses seperti penghayatan, pembentukan sikap, pertimbangan nilai dan kesedaran (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2001).

Nilai turut mempunyai komponen psikomotor kerana dapat merangsangkan tingkah laku bagi mencapai keinginan dan motif (Rokeach, 1973). Komponen ini melibatkan tingkah laku berterus terang seseorang kepada objek atau orang. Domain ini turut dipengaruhi komponen kognitif dan afektif. Nilai-nilai dalam domain ini

mempunyai perkaitan dengan perlakuan ke arah tingkah laku yang baik, menjaga harta benda dan mencorakkan sikap terhadap kerja (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2001). Seterusnya, nilai dalam domain ini boleh diperluaskan lagi meliputi aspek menghormati hak dan harta orang lain, mematuhi peraturan dan mengamalkan nilai kewarganegaraan.

Falsafah Pendidikan Islam mengutamakan pendidikan sebagai wajib kepada semua umat manusia. Pendidikan ialah suatu tindakan yang diambil oleh sesuatu masyarakat, kebudayaan atau tamadun untuk memelihara kelangsungan hidup. Kegagalan pendidikan melaksanakan fungsinya akan menjurus kepada kehancuran manusia serta alam keseluruhannya. Proses pendidikan berlangsung sepanjang hayat yang bermula daripada kandungan ibu hingga ke liang lahat. Pendidikan dalam Islam berpusatkan perkembangan individu secara seimbang, menyeluruh dan bersepadu meliputi unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, 2003).

Pendidikan dalam Islam berfungsi menyiapkan generasi untuk berperanan baik kepada diri sendiri, manusia lain, persekitaran dan Allah s.w.t. Sehubungan itu, hubungan dengan diri sendiri, manusia lain, persekitaran dan Allah s.w.t. bertujuan untuk melaksanakan peranan tersebut. Fungsi lain, memindahkan nilai dan ilmu kepada generasi berikutnya kerana salah satu tanggungjawab manusia ialah khalifah untuk mewujudkan kesinambungan. Nilai dalam Islam bersumberkan al-Quran, hadis dan qiyas. Ilmu dibahagikan kepada dua kategori, iaitu ilmu wahyu dan ilmu perolehan. Ilmu wahyu datang daripada Maha Pencipta kepada hamba-Nya, iaitu manusia. Ilmu ini terkandung di dalam al-Quran, hadis dan qiyas. Ilmu perolehan ialah ilmu yang diperoleh manusia daripada usahanya sendiri dengan menggunakan akal dan pancaindera yang dikurniakan Allah s.w.t.

Terdapat enam sumber pendidikan dalam Islam, iaitu al-Quran, Sunnah Nabi, kata-kata para sahabat Rasulullah s.a.w., kemaslahatan masyarakat, nilai dan kebiasaan-kebiasaan dalam masyarakat. Islam mementingkan pendidikan yang memfokuskan manusia sebagai objek utama. Manusia adalah sebaik-baik kejadian berbanding makhluk-makhluk lain yang dilahirkan dalam keadaan suci dan tidak membawa sebarang dosa. Peranan manusia di muka bumi ini sebagai khalifah kerana dikurniakan akal. Selain itu, Islam turut mementingkan aspek teologi, ontologi, epistemologi dan aksiologi di samping kesepaduan antara pengetahuan, nilai dan keimanan. Matlamat terakhir pendidikan Islam bertujuan memperlengkapkan individu dengan pengetahuan Islam supaya dapat hidup sebagai orang yang beriman, berakhlak mulia, berpengetahuan dan beramal kepada Allah s.w.t.

Di Malaysia, matlamat pendidikan negara dinyatakan dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Negara (1979), iaitu membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Secara khusus Falsafah Pendidikan Negara menyatakan:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak, mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Falsafah Pendidikan Negara, 1979)

Aspek penting yang difokuskan dengan jelas dalam falsafah di atas ialah pembentukan individu yang berakhlak mulia. Kepentingan aspek ini dalam mengekalkan kesejahteraan hidup individu dan masyarakat turut diberi keutamaan

dalam Wawasan 2020, iaitu meletakkan Malaysia ke taraf negara industri. Antara lain, wawasan itu menegaskan segala usaha untuk membangunkan negara ke arah mencapai negara industri hendaklah dilaksanakan dalam konteks masyarakat penyayang yang mempunyai nilai moral, etika dan agama yang kukuh (The Way Forward, 1991).

Pendidikan ialah wadah untuk kelangsungan dan maksud mencapai matlamat sesebuah negara. Sehubungan itu, sekolah sebagai agen sosialisasi dan perubahan menjadi penting dalam usaha menyemai dan memupuk nilai-nilai murni. Penerapan dan penyerapan nilai di sekolah-sekolah telah bermula sejak kedatangan Islam ke negara ini. Pada pertengahan kurun ke-19 sekolah-sekolah pondok didirikan oleh mubaligh-mubaligh Islam bertujuan untuk membentuk pelajar ke arah memahami perundangan Islam, mempunyai nilai moral yang tinggi dan diterima masyarakat serta melaksanakan rukun agama (Hamzah Abu Bakar, 1999).

Sistem pendidikan yang diperkenalkan Inggeris hanya menerapkan nilai-nilai moral secara tidak langsung, iaitu melalui peraturan-peraturan sekolah yang berkaitan kebersihan diri, menghormati guru dan pentadbir sekolah. Bagaimanapun, sekolah jenis ini tidak mengambil kira pendidikan agama Islam yang menyebabkan Majlis Hal Ehwal Islam Negeri telah mendirikan kelas agama pada sebelah petang untuk murid-murid Islam meneruskan pembentukan individu Muslim seperti yang dituntut agama Islam.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, kerajaan menyedari tentang kepentingan Pendidikan Moral dalam negara yang berbilang agama, kaum dan budaya. Jawatankuasa Mengkaji Semula Pendidikan Rahman Talib (1960) yang telah menyemak semula Penyata Razak (1956) mencadangkan supaya Pendidikan Islam dan Moral dilaksanakan di sekolah-sekolah. Cadangan ini telah dijadikan sebahagian

daripada Akta Pendidikan 1961. Termaktubnya akta ini bermakna kerajaan telah memberi peruntukan untuk pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di semua sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan untuk pelajar-pelajar Islam. Di samping itu, Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan untuk sekolah rendah dan Sivik untuk sekolah menengah telah disemak dan disusun semula dengan memasukkan unsur-unsur Pendidikan Moral. Pelajar bukan Islam dikehendaki mempelajari mata pelajaran tersebut. Nilai dan unsur moral dalam mata pelajaran lain seperti bahasa, kesusasteraan, Geografi, Sejarah dan Ilmu Kesihatan disampaikan secara tidak langsung kepada murid. Bagaimanapun, konsep pendidikan nilai merentasi kurikulum tidak menjadi tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pada awal tahun 1970-an, masalah disiplin pelajar seperti ponteng sekolah, tidak menghormati guru dan merosakkan harta benda sekolah atau awam menjadi semakin ketara. Keadaan ini menyebabkan Jawatankuasa Pusat Perkembangan Kurikulum mengambil keputusan menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Moral bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah. Pada tahun 1976 terbentuklah Jawatankuasa Menggubal Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral ekoran syor-syor daripada Jawatankuasa Pendidikan Moral.

Beberapa jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk mengkaji nilai-nilai moral yang terdapat dalam semua agama yang diamalkan di Malaysia. Manakala Jawatankuasa Mata Pelajaran Islam diarah mengkaji dan menyusun semula kandungan silabus mata pelajaran itu di sekolah rendah dan menengah. Di Sabah dan Sarawak, nilai-nilai masyarakat, adat istiadat dan kepercayaan pelbagai kaum turut sama dikaji. Semua nilai yang dikemukakan berserta senarai moral yang diperolehi daripada Bengkel Pendidikan Moral anjuran UNESCO-NIER (1975) dikaji semula. Hasil kajian itu dihantar kepada beberapa pihak yang terdiri daripada badan-badan

agama, persatuan agama, Jawatankuasa Kurikulum Negeri, maktab-maktab perguruan dan PIBG (Persatuan Ibu Bapa Guru) untuk mendapat pandangan serta persetujuan mereka.

Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Moral telah meneliti, menyelaraskan dan menyusun nilai-nilai yang telah dipilih secara bersama. Sebanyak enam belas (16) nilai utama telah dikenal pasti yang merangkumi kebersihan fizikal dan mental, sikap belas kasihan dan toleransi, berkerjasama, keberanian, kesederhanaan, kerajinan, kebebasan, berterima kasih, kejujuran, tidak angkuh, keadilan, sikap rasional, berdikari, kasih sayang, hormat menghormati dan semangat kemasyarakatan. Berdasarkan enam belas (16) nilai utama ini berserta prinsip-prinsip Rukun Negara, maka Silabus Pendidikan Moral pun digubal.

Semasa silabus ini dirangka, satu kajian telah dijalankan berhubung pelaksanaan dasar pelajaran oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Laporan jawatankuasa itu telah memperakukan:

Untuk membina sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatatusila dan bersatu padu, adalah diperakukan bahawa semasa murid-murid Islam mengikuti mata pelajaran Agama Islam dan ini termasuklah murid-murid lain yang memilih mengikuti mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam, murid-murid bukan Islam hendaklah diberi Pendidikan Moral atau etika. Semua murid yang mempelajari mata pelajaran Moral dan etika ini diwajibkan mengambilnya di dalam peperiksaan. Dalam kedua-dua mata pelajaran ini hendaklah disemaikan perasaan untuk menghormati kebebasan masyarakat yang berbilang agama menganuti agama masing-masing.

(Jawatankuasa Kabinet, 1979)

Tegasnya, Jawatankuasa Kabinet (1979) berpendapat peranan pendidikan bukan sahaja tertumpu dalam usaha untuk mencapai perpaduan dan pengeluaran

tenaga manusia, malah ditumpukan juga ke arah pembentukan insan yang harmonis dan seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Jika dikaji laporan dan perakuan yang dikemukakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran dari semasa ke semasa, seperti Jawatankuasa Pelajaran (1956) yang menghasilkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran, Education Review Committee (1960) yang menghasilkan Report of the Education Review Committee, Jawatankuasa Kementerian Pelajaran (1977) yang menghasilkan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Taraf Pelajaran Sekolah-Sekolah di Malaysia, Jawatankuasa Pusat Perkembangan Kurikulum (1980) yang menghasilkan Cadangan Kurikulum Sekolah Rendah Untuk Masa Hadapan, didapati Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) telah gagal melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani. Silabus KLSM memberi tumpuan secara berlebihan kepada ilmu pengetahuan bagi menyediakan pelajar ke peringkat yang lebih tinggi dan penerapan nilai tidak diberi tumpuan yang serius (Hamzah Abu Bakar, 1999).

Hakikat ini disedari Kementerian Pelajaran dan langkah mengatasinya telah dimulakan dengan menggubal dan mengistiharkan Falsafah Pendidikan Negara secara tersurat (Kementerian Pendidikan, 1979). Falsafah ini telah dijadikan rangka rujukan asas yang utama bagi menentukan kandungan, pelaksanaan dan matlamat pendidikan negara. Hasrat falsafah ini direalisasikan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1988). Silabus kurikulum yang digubal dan dilaksanakan pada tahun 1988 bertujuan untuk memberi penekanan kepada pembangunan potensi individu secara menyeluruh. Penekanan ini dinyatakan dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Negara:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian masyarakat dan negara.

(Falsafah Pendidikan Negara, 1979)

Berdasarkan falsafah ini, tumpuan aktiviti pendidikan melalui silabus KBSM dirancang ke arah pembinaan insan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

Matlamat ini akan tercapai melalui:

- i. Pembentukan kurikulum yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap dan perlakuan yang diperlakukan semua pelajar serta menjadi asas untuk pendidikan seumur hidup.
- ii. Pembinaan kefahaman, penghayatan dan amalan nilai kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan.
- iii. Meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan.

(Kementerian Pendidikan, 1989)

Bagi memastikan pendidikan nilai dapat dilaksanakan secara berkesan, KBSM memberi penekanan kepada strategi penerapan dan penyerapan nilai-nilai murni melalui kandungan silabus semua mata pelajaran selain Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Pendidikan nilai dilaksanakan melalui aktiviti pengajaran secara langsung dan tidak langsung di dalam bilik darjah serta disokong amalan budaya sekolah dan contoh teladan yang baik daripada guru (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989). Strategi penerapan dan penyerapan nilai-nilai murni dalam

pengajaran silabus KBSM yang dilakukan secara langsung bermaksud penyisipan nilai melalui perancangan guru yang bersesuaian dengan tajuk, isi, contoh dan situasi pengajaran. Manakala strategi penyerapan secara tidak langsung pula ialah penerapan dan penyerapan nilai berasaskan kepekaan guru untuk menggunakan peluang dan kesempatan daripada situasi yang timbul dengan mengaitkan nilai-nilai murni sehingga menjadi tepat, diterima dan diyakini (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988).

Melalui kedua-dua strategi pengajaran dan pembelajaran tersebut, Kementerian Pelajaran berpendapat guru perlu memandu pelajar ke arah menghayati dan mengamalkan nilai serta boleh menyelesaikan isu-isu yang berkaitan nilai secara rasional. Pendidikan nilai dalam kurikulum diperkukuhkan lagi melalui kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif, seperti mengamalkan disiplin pada setiap masa, mengutamakan keindahan kawasan sekolah, menepati masa dan hormat menghormati antara satu sama lain semasa berada di dalam kawasan sekolah. Penegasannya, kedua-dua bentuk kurikulum, iaitu formal dan tidak formal di dalam dan di luar bilik darjah akan digunakan sepenuhnya secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai menjadi lebih berkesan.

Berdasarkan penghayatan di atas dapatlah disimpulkan, KBSM memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni. Sekiranya komponen nilai ditiadakan, ciri kesepaduan dalam KBSM tidak akan terbina sepenuhnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Bagi memudahkan hasrat Falsafah Pendidikan Negara tercapai melalui pendidikan nilai dalam KBSM, Jawatankuasa Khas Pendidikan Akhlak (1976) telah memutuskan sebanyak enam belas (16) nilai murni utama perlu diserapkan oleh guru ke dalam pengajaran semua mata pelajaran selain mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Enam belas (16) nilai utama tersebut ialah

berdikari, berhemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, keyakinan, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat (Kementerian Pendidikan, 1979).

Dalam KBSM, silabus Pendidikan Moral juga meliputi semua nilai seperti di atas. Bagaimanapun, program Pendidikan Moral memberi tumpuan kepada amalan dan menghayati enam belas (16) nilai murni di atas lebih daripada isi kandungan mata pelajaran tersebut (Sukatan Pelajaran Moral KBSM, 1988). Manakala penerapan dan penyerapan nilai melalui mata pelajaran lain merupakan usaha sokongan kepada pendidikan nilai yang dilaksanakan melalui Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988).

Konsep penerapan nilai merentas kurikulum tidak terbatas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja. Penerapan tersebut diperkukuhkan lagi melalui amalan kegiatan kokurikulum. Misalnya, aspek pentadbiran sekolah menuntut Guru Besar atau Pengetua dan semua guru menunjukkan amalan-amalan yang mencerminkan amalan nilai-nilai murni. Pentadbir sekolah perlu mengambil inisiatif untuk menghayati nilai-nilai murni melalui amalan-amalan pentadbiran, seperti mewujudkan persekitaran sekolah yang merangsang pembentukan peribadi yang berlandaskan nilai-nilai positif.

Di peringkat kementerian, usaha mendidik pelajar supaya menghayati nilai-nilai murni dilaksanakan pada tahun 1993 melalui kempen sekolah penyayang. Tujuan kempen ini untuk memantapkan penerapan nilai melalui pentadbiran secara menyeluruh di semua sekolah. Pusat Perkembangan Kurikulum berusaha membantu sekolah memantapkan penerapan nilai-nilai murni. Pada tahun 1995 buku Panduan Guru untuk sekolah rendah dan menengah diedarkan ke sekolah-sekolah. Pusat

Perkembangan Kurikulum telah menyediakan kit latihan bertujuan untuk membantu pegawai sumber menjalankan kursus dalaman bagi sekolah menengah. Kit tersebut mengandungi bahan-bahan tentang peranan pengetua, budaya sekolah, nilai merentasi kurikulum dan kaset video tentang pengajaran dan pembelajaran untuk setiap mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah.

Maktab-maktab perguruan turut sama terlibat dalam usaha merealisasikan matlamat Pendidikan Moral. Program Pendidikan Moral dijadikan komponen kursus di semua maktab perguruan bagi menyediakan bakal guru yang berupaya menerapkan nilai dengan berkesan semasa bertugas di sekolah-sekolah kelak. Para pensyarah diberi pendedahan tentang silabus KBSR melalui program orientasi yang dianjurkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bertujuan untuk membolehkan pihak maktab perguruan membina dan menyediakan silabus kursus Pendidikan Moral.

Pada tahun 1996, guru-guru pelatih yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia diwajibkan mengikuti Kursus Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Kedua-dua kursus ini antara mata pelajaran dalam komponen asas dinamika guru. Selain pelatih di maktab perguruan, semua guru, pensyarah dan hampir semua bahagian di Kementerian Pelajaran turut sama terlibat dalam usaha melaksanakan Pendidikan Moral sama ada merancang, menggubal dan melaksanakan, mengesan atau menyediakan bahan program Pendidikan Moral.

Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral ialah mata pelajaran berorientasikan peperiksaan. Penilaian kedua-dua mata pelajaran tersebut ditumpukan ke arah penilaian kognitif. Aspek nilai turut sama diukur apabila nilai-nilai murni diterapkan secara merentasi kurikulum.

1.2 Permasalahan Kajian

Hala tuju kehidupan pada era globalisasi memfokuskan usaha mengejar kebendaan dan kepentingan individu secara langsung atau tidak langsung menyebabkan nilai-nilai kemanusiaan, adat istiadat dan budaya setempat diketepikan. Menurut laporan kajian UNESCO (1995), arus perubahan masyarakat dunia sangat ketara setanding kemajuan sains dan teknologi. Perkara ini telah dan akan meninggalkan impak terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk budaya dan tradisi setempat.

Pelbagai peristiwa yang berlaku pada abad ini seperti peperangan, pencabulan hak asasi manusia, kemusnahan alam sekitar, pergaulan bebas dan sebagainya ialah kesan gaya hidup berdasarkan kebendaan dan kepentingan peribadi. Amalan yang menyisihkan nilai dan kemanusiaan terbukti telah mengancam kesejahteraan hidup manusia sejagat.

Di Malaysia, permasalahan ini turut melanda anggota masyarakat sama ada golongan pelajar atau orang dewasa. Penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan pembaziran dari segi materialistik dan masa merupakan penyakit sosial yang melanda golongan dewasa yang majoritinya berkerja sebagai kakitangan sektor awam dan swasta. Kegagalan beberapa buah syarikat konglomerat yang melibatkan berbilion ringgit disebabkan tindakan tidak mengamalkan nilai. Permasalahan ini lebih dibimbangi lagi apabila kecanggihan teknologi dan kemodenan pembangunan materialistik tidak dapat memberi kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada anggota masyarakat. Organisasi awam atau swasta yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan dan menyempurnakan keperluan masyarakat telah melakukan pelbagai jenayah serta kecuaiian yang tidak sepatutnya berlaku. Slogan-slogan yang berkaitan perkhidmatan cemerlang, produk berkualiti tinggi dan pembangunan mampan sebenarnya hanya tinggal harapan dan sekadar impian sahaja (Nor Azzah

Kamri, 2002). Persoalannya, mengapa kepincangan ini berlaku? Adakah disebabkan kepincangan sistem atau kemungkaran manusia?

Pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam perkhidmatan awam pada tahun 1985 membuktikan kesedaran masyarakat Islam di Malaysia untuk menerapkan nilai-nilai Islam kepada pentadbir dan pengurus organisasi pada semua peringkat ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaruah dan berakhlak mulia (Mohamad Shaid Mohd. Taufek, 1994). Walaupun dasar tersebut telah dilaksanakan lebih sedekad lalu, namun sukar untuk menentukan secara tepat sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan mentransformasikan budaya hidup dan mentajdidkan pandangan hidup seperti yang dikehendaki.

Mengamalkan nilai yang selari dengan tuntutan iman dan takwa kepada Allah s.w.t. akan membawa keberkatan dan kecemerlangan kepada masyarakat. Pulangan dan ganjaran yang setimpal bukan sahaja diterima di dunia, malah di akhirat kelak seperti yang dijanjikan Allah s.w.t. dalam firman-Nya yang bermaksud:

Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

(Surah al-Jumuaah: Ayat 10, hal. 560)

Di sekolah, pelajar-pelajar dididik mengamalkan sifat mulia semasa bersekolah dan dijangkakan dapat mengamalkan nilai dalam kehidupan seharian sama ada di sekolah, luar sekolah dan alam dewasa. Bagaimanapun, media massa sering melaporkan tentang penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti yang tidak mencerminkan amalan nilai semasa berada di luar kawasan sekolah, seperti gangsterisme, vandalisme, peras ugut dan masalah sosial yang lain.

Kajian yang dijalankan secara usaha sama antara Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (1996) turut melaporkan tentang golongan pelajar yang terlibat dalam perlakuan yang tidak selari dengan nilai yang diterapkan di sekolah-sekolah. Laporan kajian yang hampir sama dikeluarkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (2005) tentang Kes-Kes Tangkapan Juvana dan Pelajar Tahun 2000 hingga 2004 membuktikan sememangnya pelajar tidak mengamalkan nilai, malah mengamalkan pelbagai perlakuan yang bertentangan nilai semasa berada di luar kawasan sekolah. Menurut laporan kajian itu, kes dan tangkapan meningkat dari setahun ke setahun. Permasalahannya, adakah fenomena ini menggambarkan proses penerapan dan penyerapan nilai-nilai murni di sekolah tidak membantu usaha pelajar mengamalkan nilai?

Berdasarkan catatan Rekod Disiplin Pelajar (2004) daripada lima buah sekolah menengah di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, menunjukkan terdapat pelajar yang terlibat dalam pelbagai perlakuan yang bertentangan dengan nilai. Antara perlakuan itu mengancam, memukul dan mencederakan pelajar atau guru, melakukan kesalahan melibatkan harta benda, berjudi dan menggunakan kata-kata lucah. Berdasarkan catatan di dalam rekod itu lagi, pelajar tahu perbuatan tersebut adalah salah tetapi masih tetap mahu melakukannya. Persoalannya, adakah perlakuan pelajar menunjukkan proses penerapan dan penyerapan nilai-nilai di sekolah gagal membentuk individu yang berakhlak mulia?

Laporan-laporan kajian di atas menunjukkan kecenderungan sebilangan pelajar dalam kegiatan yang menyimpang jauh daripada matlamat Falsafah Pendidikan Negara, iaitu membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab membentuk dan membina warganegara yang berakhlak mulia serta

berupaya mengendalikan isu-isu sosial berpandukan prinsip-prinsip nilai. Namun tidak dapat dinafikan institusi keluarga dan masyarakat turut sama terlibat dalam penerapan nilai dan akhlak pelajar. Mereka menghabiskan sebahagian masa di luar kawasan sekolah yang terdedah kepada pelbagai aktiviti yang tidak bermoral. Terdapat juga pelajar yang terlibat dengan kegiatan tidak bermoral seolah-olah menggambarkan mereka tidak mengamalkan nilai seperti yang dipelajari di sekolah apabila mereka berada di luar kawasan sekolah.

Di sekolah, walaupun silabus KBSM telah dilaksanakan sejak tahun 1988, namun strategi penerapan dan penyerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum tidak terlaksana sepenuhnya dalam mata pelajaran lain, selain mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989 ; Jemaah Nazir, 1989). Laporan-laporan kajian oleh Arbain Muhyat (1989), Kementerian Pendidikan (1990), dan Loganathan M. Ramakrishnan (1991) turut melaporkan perkara yang sama, iaitu tidak terdapat kejayaan yang berkesan dalam pelaksanaan strategi tersebut. Rumusannya, penerapan dan penyerapan nilai-nilai murni di sekolah masih belum diberi tumpuan sepenuhnya termasuklah mata pelajaran Bahasa Melayu.

Isahak Haron (1992) melaporkan, sesetengah guru tidak dapat melaksanakan strategi penerapan nilai secara berkesan di bilik darjah kerana tidak menghadiri sebarang kursus pendedahan silabus KBSM. Pusat Perkembangan Kurikulum (1987) mendedahkan, keadaan ini berpunca daripada pihak penganjur, iaitu Pusat Perkembangan Kurikulum yang telah meletakkan beberapa syarat kepada pihak sekolah sebelum menghantar guru untuk mengikuti kursus tersebut. Kesannya, Rushani Abdullah (1992) melaporkan, guru yang tidak menghadiri kursus pendedahan silabus KBSM terus mengamalkan strategi pengajaran mengikut silabus Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM), terutama yang berkaitan penerapan nilai.

Kajian terdahulu menunjukkan kursus pendedahan silabus KBSM yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran tidak dilaksanakan secara berkesan (Isahak Haron, 1992 dan Rushani Abdullah, 1992). Keadaan ini berlaku kerana kursus-kursus tersebut mengutamakan penyampaian teori sahaja (Rushani Abdullah, 1992). Kandungannya memfokuskan tentang latar belakang, rasional, matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan peranan guru dalam KBSM. Manakala strategi penerapan dan penyerapan nilai yang mengandungi teknik mengajar tidak didedahkan secara praktikal (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Impaknya, sesetengah guru mendapati kursus tersebut tidak membantu mereka meningkatkan kemahiran melaksanakan strategi pengajaran di bilik darjah termasuk pelaksanaan teknik penerapan dan penyerapan nilai dalam mata pelajaran lain, selain Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral (Isahak Haron, 1992).

Kajian Rushani Abdullah (1992) membuktikan, sesetengah guru yang mempunyai pengetahuan asas tentang teori dan strategi penerapan dan penyerapan nilai dalam pengajaran semua mata pelajaran berdepan masalah mengaplikasikan teori-teori tersebut. Guru-guru berkenaan mengajar kandungan nilai sama seperti mengajarkan kandungan mata pelajaran sekolah. Situasi ini menyebabkan nilai tidak disepadukan secara kemas dengan isi pelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Abdul Rahim Ahmad, 1990).

Selain itu, Laporan Jemaah Nazir Persekutuan (1989) mendedahkan, guru menghadapi masalah menyediakan isi-isi nilai untuk ditulis di dalam buku Persediaan Mengajar. Terdapat juga guru yang menghadapi kesulitan menentukan jumlah nilai yang hendak disisipkan dan jumlah masa yang sepatutnya diperuntukkan untuk menerapkan nilai (Rushani Abdullah, 1992). Manakala kajian Isahak Haron (1992) menunjukkan, guru menerapkan isi-isi nilai hanya pada bahagian penutup pengajaran